



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

Aras 5-9, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62100 Wilayah Persekutuan
Putrajaya
Tel: 03-8891 2682
Faks: 03-8888 2311
Laman Web: www.kemas.gov.my

No. Rujukan: KEMAS.100-9/1/3 (11)

Tarikh: 17 Oktober 2024 / 14 Rabiulakhir 1446H

TIADA KENAIKAN YURAN TABIKA TASKA KEMAS TAHUN 2025

Merujuk kepada laporan media bertajuk “Yuran Taska dan Tadika meningkat hingga 25%?”, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ingin memaklumkan bahawa ia tidak melibatkan TABIKA dan TASKA di bawah kendalian pihak kami.

Laporan yang disiarkan oleh sebuah agensi berita, yang memaparkan visual rakaman di dalam TABIKA KEMAS, telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat, terutamanya ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke TABIKA dan TASKA KEMAS.

KEMAS ingin mengesahkan bahawa tiada kenaikan yuran akan dikenakan bagi sesi persekolahan tahun hadapan. Kerajaan Madani, melalui KEMAS, sentiasa prihatin terhadap bebanan rakyat dan berusaha meringankan kesulitan yang dihadapi masyarakat.

Kami berharap ibu bapa kekal tenang dan terus menjadikan TABIKA KEMAS sebagai pilihan utama dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Ibu Pejabat KEMAS Putrajaya di talian 03-88912682.

-TAMAT-

***Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
KEMAS
10 Disember 2024***